

27 DEC 2001

Mahathir-rantau

PENGHUBUNGAN ANTARA RANTAU TINGKATKAN PERTUMBUHAN, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 27 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa penghubungan antara rantau yang kurang membangun dengan yang maju akan terus memperluaskan penerokaan dan pengeksploitan peluang untuk pertumbuhan.

Rantau yang mempunyai modal lebih dan kepakaran teknologi canggih dapat bergabung dengan rantau yang mempunyai kos buruh murah dan banyak kawasan untuk bersama-sama mengadakan aktiviti ekonomi yang menguntungkan, katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam kata aluan beliau di dalam buku cenderamata Ekspo Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) 2001, di sini, hari ini.

"Dengan pasaran global menjadi semakin berdaya saing setiap hari, adalah penting kerjasama rapat dalam bidang ekonomi dikekalkan terutamanya dalam mengoptimumkan penggunaan sumber," kata beliau.

Dr Mahathir berkata para pengeluar dari kalangan IMT-GT mempunyai peluang besar untuk menggunakan potensi pendekatan bersinergi.

Beliau berkata setiap rantau mempunyai ekonomi, sosial dan pertanian sendiri yang menawarkan peluang sewajarnya bagi kerjasama dan pelaburan secara usaha sama.

Dr Mahathir berkata Ekspo Pertanian dan Perikanan IMT-GT memberikan peluang kepada para usahawan dari negara-negara anggota untuk bertemua dan bertukar-tukar idea.

"Adalah menjadi harapan saya bahawa para usahawan tempatan akan mengambil peluang ini untuk mewujudkan rangkaian dan menjalin kerjasama ekonomi yang menguntungkan dengan rakan mereka dari rantau lain," kata beliau.

Kira-kira 200 peserta dari Indonesia, Malaysia dan Thailand menyertai ekspo empat hari itu yang dianjurkan oleh kerajaan negeri Kedah dan Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.

-- BERNAMA

NH JK NAK